

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
BAHAGIAN JENAYAH
PERMOHONAN JENAYAH NO: WA-44-2-01/2024

29/05/2024 12:57:26

ANTARA

M.A. QUAYUM
(NO. PASPORT: EK0720786) (NO. UNHCR: 354-22-00498)

... PEMOHON

DAN

1. KETUA POLIS NEGARA
2. KETUA PENGARAH IMIGRESEN
3. MENTERI DALAM NEGERI
4. KERAJAAN MALAYSIA

... RESPONDEN-RESPONDEN

Dalam perkara permohonan habeas corpus selaras dengan Bab XXXVI Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)

Dan

Dalam perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam perkara permohonan di bawah seksyen 365(a)(ii) Kanun Tatacara Jenayah

Dan

Dalam perkara M.A. Quayum (No. Paspot: EK0720786) (No. UNHCR: 354-22-00498) yang ditangkap dan ditahan pada 12.1.2024

Dan

Dalam bidangkuasa Mahkamah yang sedia ada

DI HADAPAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI
MUNIANDY A/L KANNYAPPAN
PADA 29 MEI 2024

DALAM MAHKAMAH TERBUKAPERINTAH

PERMOHONAN INI yang ditetapkan untuk Pendengaran pada hari ini dengan kehadiran Edmund Bon Tai Soon bersama Kee Shu Min dan Lee Yee Woei, Peguam bagi pihak Pemohon dan Mohd Zain Bin Ibrahim bersama Nur Syahidah Binti Mohamad Kamil, Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak Responden Pertama, Ketiga dan Keempat dan Siti Noor Harlina Binti Ab Malek, Timbalan Pendakwa Raya bagi pihak Responden Kedua DAN SETELAH MENDENGAR pihak-pihak telah mencapai persetujuan MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN secara persetujuan seperti berikut:-

1. Bahawa Perintah Pengusiran seksyen 32 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Perintah Penahanan seksyen 34 Akta 155 bertarikh 24 Januari 2024 ditarik balik dan dibatalkan oleh Responden Kedua.



S/N QUjchRE3xEmTYQUP0yfEyg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

2. Bahawa Responden Kedua akan menarik balik dan membatalkan surat bertarikh 8 Februari 2024 yang dikeluarkan oleh Responden Kedua kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya.
3. Bahawa Pemohon, dengan status sebagai pelarian di bawah *United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR)*, dibebaskan kepada UNHCR bagi tujuan penempatan semula ke negara ketiga.
4. Bahawa Pemohon dan tanggungan-tanggungannya tidak akan ditahan dan/atau diusir keluar daripada Malaysia sementara menunggu proses penempatan semula ke negara ketiga (dengan syarat tidak melakukan kesalahan jenayah dan tidak dituduh di mana-mana Mahkamah).
5. Bahawa Pemohon dan tanggungan-tanggungannya hendaklah meninggalkan negara Malaysia dalam tempoh yang segera dan munasabah setelah proses penempatan semula ke negara ketiga selesai.
6. Bahawa Pemohon dan tanggungan-tanggungannya tidak perlu mendapatkan Pas Khas atau apa-apa Pas untuk berada di Malaysia sepanjang tempoh proses penempatan semula ke negara ketiga.
7. Bahawa khusus bagi Pemohon sahaja, sekiranya –
 - (a) paspot Pemohon (No. Paspot: EK0720786) dikembalikan ("*reinstated*"); atau
 - (b) pembatalan paspot Pemohon (No. Paspot: EK0720786) ditarik balik atau dibatalkan oleh Kerajaan Bangladesh; atau
 - (c) Pemohon dibekalkan dengan paspot baharu oleh Kerajaan Bangladesh,

Pemohon boleh membuat permohonan baharu Pas Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dan permohonan tersebut akan dipertimbangkan oleh Responden Kedua tertakluk kepada kehendak-kehendak dalam permohonan Pas MM2H.



S/N QUjcHRE3xEmTYQUP0yfEyg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

8. Bahawa Pemohon menarik balik Permohonan *habeas corpus* Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Permohonan Jenayah No. WA-44-2-01/2024) di sini tanpa kebebasan untuk memfailkan semula.
9. Bahawa Pemohon menarik balik kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas), (Permohonan Semakan Kehakiman No. WA-25-173-04/2024) tanpa perintah berkenaan kos.
10. Bahawa Pemohon tidak akan memfailkan sebarang tindakan sivil berkaitan dengan tangkapan dan tahanan Pemohon sejak 12 Januari 2024 hingga 8 Februari 2024 [melainkan untuk tujuan pelaksanaan Penghakiman Persetujuan ini (kecuali perenggan 7) dan perkara-perkara berkaitannya, jika perlu] terhadap Responden-Responden selepas Penghakiman Persetujuan ini termeterai.
11. Bahawa terma-terma terkandung di dalam Penghakiman Persetujuan ini hendaklah terpakai kepada Pemohon dan tanggungan-tanggungannya sahaja.

DAN SELANJUTNYA DIPERINTAHKAN bahawa permohonan pemohon dalam Notis Usul Kandungan 1 adalah ditolak.

DIBERI di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah pada 29 haribulan Mei 2024.



CATHERINE NICHOLAS
Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur



S/N QUjchRE3xEmTYQUP0yfEyg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal